

BAHASA KIASAN DALAM LAGU “MATI HIDUP SEMULA”: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

(Figurative Language in “Mati Hidup Semula” Song: A Semantic Inquisitive Analysis)

*Wong Shia Ho
wsh@ipbl.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang,
Kuching, Sarawak.

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 2 Disember 2019

Sila rujuk: Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu “Mati Hidup Semula”: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231-258.

Abstrak

Pemilihan leksikal dalam lirik lagu memerlukan pemikiran tajam penulis kerana keputisan perlu ada dalam lirik lagu di samping mesej dapat disampaikan dengan tepat kepada pendengar. Kajian ini bertujuan menghuraikan makna dan akal budi penulis melalui bahasa kiasan yang digunakan dalam lagu “Mati Hidup Semula”. Dua ungkapan implisit telah dipilih untuk dianalisis, iaitu “Dulu hidup kurasakan mati” dan “Setelah mati kuhidup semula”. Kajian ini berbentuk analisis kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif yang diasaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Gandingan data, teori, falsafah dan budaya dapat menghasilkan huraian makna dua ungkapan implisit tersebut sehingga memperlihatkan akal budi penulis. Hasil analisis mendapati hubungan kata “hidup” dengan “mati” bukan sahaja bersifat antonim pada peringkat harfiah tetapi mendukung makna tambahan secara

dualisme. Pemilihan kedua-dua ungkapan tersebut tidak dilakukan sewenang-wenang tetapi telah difikirkan dengan teliti oleh penulisnya.

Kata kunci: bahasa kiasan, lirik lagu, mati hidup semula, semantik inkuisitif

Abstract

The lexical selection in song lyrics requires a serious thought from the author because the lyrics should be poetic, while the desired message is to be accurately communicated to the listeners. The purpose of this study is to describe the meaning and the mind of the author through the figurative language used in the song “Mati Hidup Semula”. Two implicit expressions have been selected for analysis, namely “Dulu hidup kurasakan mati” [I used to live but felt dead] and “Setelah mati kuhidup semula” [After being dead I am alive again]. This study is a qualitative analysis by applying the inquisitive semantic approach proposed by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). The combination of data, theory, philosophy and culture are able to produce meaningful interpretations of the two implicit expressions so as to illustrate the author’s mind. The results of the analysis show that “life” and “death” are not only antonymic at a literal level but have a secondary meaning of dualism. The selection of these two expressions was not done arbitrarily but through the serious thinking of the author.

Keywords: figurative language, song lyrics, “Mati hidup Semula”, inquisitive semantics

PENDAHULUAN

Lirik lagu seperti juga karya kreatif yang lain juga banyak menggunakan bahasa kiasan bagi mencapai tujuan tertentu. Penggunaan bahasa kiasan dalam lirik lagu bukan sahaja mengindahkannya tetapi yang lebih penting untuk memastikan mesej yang hendak disampaikan adalah tepat dan dapat memberikan kesan yang mendalam kepada pendengarnya. Tugas tersebut tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya sebaliknya memerlukan penghayatan terhadap sesuatu unsur yang membinanya. Hal ini selaras dengan pendapat Habsah Hassan (2016) bahawa sesebuah karya seni sepatutnya dihasilkan menerusi hati dan bukan sekadar kata-kata. Menurut Habsah Hassan (2011) lagi, penulisan lirik ibarat puisi popular atau cerpen. Pengalaman diri dapat menyumbangkan penghasilan lirik yang baik. Begitu juga menurut Abdul Samad (2011), yang mengatakan

bahawa setiap susun kata lirik mestilah indah, malah memerlukan laras bahasa yang betul agar keindahan luar biasa lirik tersebut terpancar dengan sendirinya. Penulis lirik perlulah kreatif memilih kata-kata yang indah dan puitis.

Selain itu, penulis lirik lagu juga harus memastikan kata-kata yang dipilihnya puitis dan difahami oleh pendengar. Oleh sebab itu, menurut Hartini & Normaliza (2017), penghasilan sesebuah karya atau lagu yang mengambil kira pemilihan kata dalam lirik mengikut peringkat umur dapat mempengaruhi pembaca.

Walaupun bagaimanapun, menurut Amir Husairi (2006), terdapat penciptaan lirik lagu yang bebas yang menuntut kebijaksanaan penerima mentafsirkan dan memahami lirik atau mesej yang ingin disampaikan. Menurut Amir Husairi lagi, setiap individu berhak mentafsirkan lirik atau mesej yang ingin disampaikan secara bebas dan subjektif. Walaupun begitu, konsep kiasan, metafora, dan perbandingan tetap wujud dalam muzik. Rasional terjemahan dan logik diperlukan mengikut keadaan persekitaran atau kejadian semasa ketika itu. Pentafsiran yang salah boleh menyebabkan penyampaian maksud sesuatu lirik lagu itu gagal. Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa kaedah penganalisan lirik lagu yang berlandaskan teori dan pendekatan yang berwibawa amat penting. Maka analisis semantik inkuisitif yang diasaskan oleh Nor Hashimah (2014) digunakan bagi memahami dua kata, iaitu “hidup” dan “mati” yang terdapat dalam lirik lagu yang dikaji bagi mendapatkan makna sebenarnya, dan sebab kedua-dua kata itu yang dipilih oleh penulis, bukannya kata-kata lain. Pemilihan kata tersebut dikaitkan dengan kebijaksanaan penulis menggunakan kata-kata dalam lirik lagu gubahannya. Jika selama ini kajian mengenai lirik banyak dikupas oleh ahli sastera tetapi kajian ini ingin melihat dari perspektif linguistik khususnya semantik dapat membantu pembaca mentafsirkan lirik lagu yang dipilih dengan lebih baik.

Kajian ini melakukan pembacaan dan rujukan terhadap sumber yang berkaitan dengan penelitian terhadap bahasa kiasan dan lirik lagu yang melibatkan semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Di samping itu, kajian ini juga memberikan penerangan ringkas tentang lagu “Mati Hidup Semula” meskipun lagu tersebut cukup popular dalam kalangan peminatnya.

PENGAJIAN BAHASA KIASAN: ANALISIS SEMANTIK

Kajian bahasa kiasan sentiasa mendapat tumpuan dalam kalangan sarjana bahasa. Kajian tersebut dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat berdasarkan kedalaman kajian bahasa kiasan tersebut. Kajian bahasa kiasan yang ditemui ada yang bersifat pemerian dan ada yang bersifat saintifik. Kajian tentang bahasa kiasan yang dikemukakan lebih kepada penghuraian makna pada peringkat harfiah dan ditafsirkan berdasarkan intuisi dan pengalaman. Pentafsiran makna sebegini dilabelkan sebagai bersifat skrip yang terikat dengan pendefinisian, pembentukan dan kegunaan kiasan tersebut. Sebagai contoh, Za'ba (2000) mendefinisikan bahasa kiasan sebagai cara menyatakan rupa sesuatu perkara dengan mengiaskannya kepada perkara lain:

Selain mencantikkan karangan, bahasa kiasan adalah untuk menambah terang maksud yang hendak diberi faham kepada orang, menguatkan dan menambahkan tajamnya sesuatu karangan atau percakapan, serta sebagai pemanis kepada perkara yang tiada manis bunyinya jika disebut terang-terang.

Abdullah Hussain (2002) dalam buku *Canai Budi* menjelaskan bahawa peribahasa merupakan petua, nasihat atau petunjuk yang diambil daripada alam sekeliling seperti perangai dan sifat manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya sebagai peraturan tata tertib pergaulan dan hubungan semasa manusia. Menurut Maniyamin (2006), bahasa kiasan dikenali juga sebagai bahasa figuratif yang merupakan ungkapan khusus untuk mengiaskan maksud di sebalik ungkapan nyata yang menjadi bahan perbandingan. Sebagai contoh, dalam sajak “Keluarga di Kaki Gunung” oleh Asiah (1989), ungkapan “hutan dara ini begitu malu”, “bila angin pagi mengusap pipinya” disebut oleh Maniyamin sebagai unsur personifikasi kerana penyajak mengorbankan “hutan” dengan memberikan sifat manusia seperti “malu” dan “memendam rahsia”. “Angin” pula digambarkan mempunyai tangan dan mengusap pipi.

Nathesan (1998) juga dilihat membincangkan bahasa kiasan, yakni simpulan bahasa pada peringkat pendefinisian, pembentukan dan kegunaannya. Menurut beliau, makna simpulan bahasa berbeza sekali daripada makna perkataan yang membentuknya, iaitu tidak ada perkaitan langsung antara rangkaian kata itu dengan perkara yang dirujuknya. Peribahasa wujud kerana masyarakat Melayu mahu menyampaikan

sesuatu makna secara analogi atau perbandingan. Pada umumnya simpulan bahasa terdiri daripada dua patah perkataan. Ada juga sebilangan kecil simpulan bahasa hanya terdiri daripada satu perkataan seperti “sembarangan” dan “mendarat”, atau tiga patah perkataan seperti “tinggal sehelai sepinggang”. Hampir kesemua simpulan bahasa dalam bahasa Melayu dibentuk daripada perkataan asli bahasa Melayu. Simpulan bahasa yang dikajinya dibahagikan mengikut domain makna berdasarkan konsep yang dibawa oleh simpulan bahasa berkenaan. Makna simpulan bahasa dibahagikan kepada makna kiasan, makna literal, makna metonimi dan makna eufemisme.

Menurut Abdullah dan Aion (2010), terdapat dua jenis bahasa kiasan, iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Kiasan yang sudah mantap dari segi bentuk bahasa dan makna diistilahkan sebagai peribahasa manakala kiasan yang tidak mantap bentuk bahasa dan makna diistilahkan sebagai bukan peribahasa. Contoh yang diberikan seperti bentuk “Kacang lupakan kulit” bersifat tetap dan tidak dapat diubah kepada “lupanya kacang kepada kulit”. Penulis di atas dikategorikan sebagai ahli semantik skrip.

Daripada kajian bersifat pemerian ini dan terhad kepada makna mudah simpulan bahasa, kajian simpulan bahasa melangkah ke tahap semantik resonans (Nor Hashimah, 2014). Kajian semantik resonans melibatkan analisis kognitif dalam pentafsiran makna simpulan bahasa. Kajian Nirwana dan Zulkifley (2016) merupakan contoh kajian peringkat resonans kerana penganalisan unsur metafora dalam pantun Melayu dilakukan dengan teori semantik kognitif yang kemudiannya dikaitkannya dengan pemikiran Melayu. Begitu juga kajian oleh Jumia Elvita, Hana Nimashita, Yenny Aristia Nasution (2015) tentang analisis makna peribahasa Jepun yang menggunakan unsur ikan dengan teori semantik kognitif dan *Great Chain Metaphor Theory* yang kemudiannya dikaitkan dengan sebab penggunaan nama ikan tertentu dan fungsinya dalam peribahasa Jepun tersebut. Walau bagaimanapun, Nor Hashimah (2014) menyatakan semantik resonans juga gagal mencari tafsiran makna tahap tertinggi sehingga membawa kepada tafsiran akal budi Melayu. Malah beliau menyatakan bahawa kajian pantun dan peribahasa harus diberikan nafas baharu.

Nor Hashimah (2014) melalui buku *Semantik dan Akal Budi Melayu* telah mencadangkan kajian yang lebih mendalam dan bukan terhenti setakat kognitif penutur sahaja. Ada falsafah di sebalik penciptaan kata-kata kiasan ini. Di sebalik penciptaan kiasan seperti simpulan bahasa, ada akal budi yang terpancar. Beliau mengambil contoh penganalisan secara semantik resonans oleh Charteris Black tentang simpulan bahasa

yang berkaitan dengan “kaki”, “hati”, “mata” dan “tangan”. Menurut Nor Hashimah, kajian Charteris Black telah dapat menggambarkan kognitif Melayu tentang benda yang berada di bawah seperti “kaki” dan kemampuan mencerminkan pengetahuan, perasaan dan sumber bagi simpulan bahasa “mata”. Namun begitu, Black (2000, 2002) gagal memberikan sebab kenapa “kaki” yang dipilih bukannya “tangan” bagi menggambarkan kognitif Melayu sedangkan “tangan” yang selalu terlibat dengan berjudi seperti dalam simpulan bahasa “kaki judi”. Memegang prinsip bahawa setiap pilihan kosa kata dalam metafora Melayu pasti ada justifikasi dan falsafahnya, maka beliau berpendapat bahawa tatakaedah semantik inkuisitif mampu menjawab persoalan tersebut. Beliau menyingkap makna yang tersirat dalam lagu “Bangau Oh Bangau”, ciptaan Hamzah Fansuri. Dalam kajian tersebut, Nor Hashimah (2014) menyatakan bahawa pertanyaan “kenapa, kenapa dan kenapa” merupakan metodologi yang terbaik bagi merungkaikan satu-satu persoalan kerana tatakaedah tersebut membolehkan usaha meneliti dengan mendalam dan mencari hingga ke akar umbi perkara yang hendak dicari. Menurut beliau lagi, semantik inkuisitif menekankan jawapan kepada “kenapa” hingga terbongkarnya rahsia pemikiran Melayu. Hal ini selaras dengan pendapat Hassan (2006) yang menyatakan bahawa metafora, kiasan, analogi, tamsil ibarat, perlambangan dan “citraan” atau imageri terhasil daripada pengalaman dan pemerhatian empirikal orang Melayu terhadap alam sekeliling. Bahasa kiasan tersebut mengandungi pandangan hidup atau falsafah hidup masyarakat Melayu. Ringkasnya usaha Hassan (2006) dan Nor Hashimah (2014) adalah untuk mencari akal budi atau intelektual Melayu melalui bahasa kiasan.

Kajian semantik inkuisitif semakin mendapat perhatian pengkaji lain. Muhamad Zaid dan Mary Fatimah (2018) telah mengaplikasikan analisis semantik inkuisitif dalam peribahasa Melayu yang menggunakan unsur atau leksikal “ayam” dalam domain “kebiasaan” dan “rezeki”. Melalui kajian tersebut, mereka menyimpulkan bahawa asosiasi haiwan seperti “ayam” yang terdapat pada peribahasa Melayu telah menonjolkan kearifan masyarakat Melayu yang mengaitkan alam sekitar sebagai rujukan sifat atau kelakuan sesuatu perkara. Selain unsur haiwan “ayam”, unsur haiwan lain yang terdapat dalam peribahasa Melayu turut dikaji, antaranya termasuklah “musang” oleh Muhammad Zaid (2018) dan “ikan” oleh Junaini, Nor Hashimah dan Wan Nurasikin (2016). Kajian tentang unsur tumbuh-tumbuhan dalam peribahasa Melayu dengan analisis semantik inkuisitif pula dilakukan oleh Nor Hashimah (2014) mengenai tebu,

kundi, dan saga. Kingkin Puput Kinanti & Anita Kurnia (2019) pula mengkaji “padi” dalam peribahasa Indonesia. Seterusnya kajian Junaini (2015) mengenai asam; Julaina, Nor Hashimah dan Junaini (2017a) tentang kiasan padi,alang, cempedak, angka; Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah (2018) meneliti rumput; dan Julaina, Nor Hashimah, Junaini (2017b) menganalisis durian dan timun. Malah kajian dengan analisis semantik inkuisitif turut diaplikasikan terhadap unsur abstrak seperti konsep “ruang” oleh Suriati dan Nor Hashimah (2016) dan deria rasa oleh Nur Afiqah & Nor Hashimah (2015). Kajian semantik inkuisitif terhadap bahasa kiasan banyak tertumpu pada peribahasa Melayu. Dalam kajian semantik inkuisitif di atas, diserlahkan konsep akal budi pada setiap penciptaan kiasan ini.

KAJIAN LIRIK LAGU

Pengaplikasian semantik inkuisitif terhadap bahasa kiasan bukan peribahasa masih mempunyai ruang yang luas untuk diterokai apatah lagi kiasan dalam lirik lagu Melayu. Hal ini kerana kajian lirik lagu Melayu masih banyak pada peringkat semantik skrip dan semantik resonans. Kajian Arbaie (2000), Mohammad Haris (2016) dan Masitah *et al.* (2017) masih terikat dengan kajian semantik skrip, iaitu cuba mentafsirkan lirik lagu tetapi masih terikat dengan pentafsiran makna permukaan kosa kata tersebut. Sebagai contoh, kajian lirik lagu oleh Arba’ie (2000) lebih memfokuskan nilai estetika. Nilai estetika ini dikatakan sebagai kemuncak karya kreatif imaginatif. Kajian tersebut menilai estetika bentuk dan bahasa yang digunakan dalam lirik lagu tersebut dari aspek rima, bunyi dan pemilihan kata dan kejelasan maksud atau pemikiran yang disampaikan. Menurut Arba’ie (2000), penjelmaan fikiran penulis terungkap melalui bahasa yang jelas maknanya, atau terselindung di sebalik kata-kata yang halus dan indah. Wujud “kata kunci” yang menjadi teras makna yang dibawanya. Sebagai contoh dalam lirik lagu *Merak Kayangan*, mempunyai ungkapan “Dia umpama merak kayangan; Rupanya cantik warna kilauan; Beta umpama gagak di rimba, tak sepadan tak sebaya”, Arba’ie (2000) hanya menyatakan bahawa penulis lirik lagu tersebut melakukan kontradiksi apabila kata “merak” disesuaikan dengan dia dan bukannya “beta”, sebaliknya “gagak” disesuaikan dengan “beta” tanpa menghuraikan sebab-sebab penulis lirik lagu menggunakan kata-kata kunci tersebut dan bukannya burung lain.

Selanjutnya, Mohammad Haris (2016) pula mengkaji aspek pemilihan kata berteraskan “kata adjektif” dalam lirik lagu patriotik dan elemen muzik yang melatarinya. Kajian tersebut melihat kekuatan kata dalam menyuntik semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia. Lirik lagu dianalisis dengan pautan AntConc. Leksikal utama, iaitu kata adjektif kemudiannya dikelaskan mengikut tema. Kekuatan kata adjektif dikaitkan dengan kemampuan menyemai nilai patriotisme. Berdasarkan penggunaan kata “cinta” dalam lirik lagu yang dikaji, beliau menyatakan bahawa kata adjektif “cinta” mendominasi kekerapan perkataan dalam kesemua lagu patriotik yang dikaji. Dalam kajian tersebut, makna “cinta” dirujuk pada *Kamus Dewan*. Kajian ini tidak melangkaui lebih jauh daripada definisi “cinta”.

Kajian oleh Masitah *et al.* (2017) terhadap lirik lagu Melayu pula dilakukan untuk melihat bentuk pemikiran Melayu dengan menggunakan Model Six Thinking Hats” De Bono (1992). Sebagai contoh, bagi data “jelinganmu itu tajam menusuk seluruh jiwaku”, perkataan “tajam” dan “menusuk” dianalisis hanya bersifat permukaan kerana makna tersebut diperoleh daripada kamus. Dalam kajian tersebut, kata “tajam” dan “menusuk” dikatakan mempunyai makna yang sama kerana mendukung makna “melukai”. Namun begitu, frasa “tajam menusuk” oleh “jelinganmu” tidak pun “membawa kecederaan” sebagai dikatakan “melukai” tidak dihuraikan. Di sini, makna sebenar “tajam menusuk” masih perlu didalami.

Kajian teoritis mengenai lirik lagu turut dikaji oleh Hartini dan Normaliza (2017). Mereka mengkaji aspek perlambangan kata kerja dalam lagu *Let It Go* versi bahasa Melayu yang bertajuk *Bebaskan* berdasarkan teori Relevans. Lagu *Bebaskan* merupakan lagu tema bagi filem animasi *Frozen* yang telah ditayangkan sejak tahun 2013. Lagu tersebut turut diterjemahkan kepada versi bahasa Melayu dengan tajuk *Bebaskan* dan dinyanyikan oleh Marsha Milan Londoh. Kajian tersebut memfokuskan makna dan fungsi kata kerja, iaitu “bebaskan”, “menutupi” dan “mengganguku”. Bagi mendapatkan makna dan fungsi salah satu kata kerja tersebut, iaitu “menggangu”, konsep penting teori Relevans, iaitu konteks, kesan konteks, dan usaha memproses digunakan. Bermula dengan makna linguistik, makna implisit pula diterokai dan akhirnya pengkaji tersebut menyimpulkan bahawa “menggangu” merupakan pemilihan kata yang sesuai untuk menggambarkan penutur tidak goyah atau terancam dengan kedinginan salju di tempatnya kerana kata kerja yang digunakan amat sinonim dan bertepatan dengan makna yang ingin

disampaikan oleh penutur”. Walau bagaimanapun, kupasan terhadap mengapa perkataan “menggangu” dipilih bukan leksikal lain bagi membuktikan kekuatan watak tidak dijelaskan.

Jelasnya, kajian lirik lagu boleh diketengahkan dan dikupas menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Cuma dalam lirik lagu, pemilihan leksikal abstrak mengatasi leksikal konkrit sehingga menyebabkan kupasannya menjadi lebih mencabar. Berdasarkan kajian lirik di atas, kesemua pengkaji tidak dapat mengupas hingga ke akal budi lirik lagu tersebut. Maka artikel ini bertujuan menganalisis lirik lagu “Mati Hidup Semula” dendangan Jamal Abdillah menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Matlamat akhirnya adalah untuk membuktikan bahawa lirik lagu yang abstrak ini sebenarnya mempunyai falsafah tersendiri dan boleh dicungkil akal budi penciptanya. Fokus kajian ini adalah untuk melanjutkan kajian lirik lagu yang mempunyai unsur metafora pada tahap yang melepasi kognitif penutur sehingga menemui akal budi penciptanya.

LAGU “MATI HIDUP SEMULA”

Nama “Jamal Abdillah” tidak asing kepada peminat lagu Melayu di mana-mana sahaja. Kepopularan beliau terserlah dan terbukti sehingga beliau dimartabatkan sebagai Raja Pop (Hanisah, 2018). Lagu “mati hidup semula” dipilih memenuhi ciri data yang sesuai dalam pengkajian bahasa. Menurut Asmah (2011), hanya dengan mempunyai data yang betul-betul dalam komuniti bahasa, barulah kita dapat membuat huraian tentang aspek bahasa kerana keunikannya. Lirik lagu tersebut bersifat “kebenaran yang dapat dilihat” yakni data yang nyata dan diperoleh daripada keadaan atau fenomena semula jadi. Hal ini kerana lagu yang dipilih dalam kajian ini autentik, yakni asli dan benar (bukan rekaan) malah lagu tersebut merupakan lagu pertama ciptaan Jamal Abdillah sendiri dan menggambarkan pengalaman diri beliau. Pernyataan Jamal Abdillah (2006, p. 46) berkaitan dengan penciptaan lagu “Mati Hidup Semula” digambarkan seperti yang berikut:

Lagu pertama ciptaanku...sewaktu aku berbaring di satu sudut sebuah bilik yang hanya dihuni oleh aku sendiri sambil tangan di atas dahiku. Tiba-tiba aku terlihat di sebalik jaring-jaring tingkap yang kecil cahaya anak bulan yang sedang mengambang. Itulah perkataan pertama dalam laguku yang aku cipta sewaktu aku di bilik penjara

Lirik lagu yang ditulis pada masa itu (di dalam penjara) hanya mempunyai dua rangkap (Jamal Abdillah, 2006, p. 46), seperti yang berikut:

Baru ku kenal bulan dan bintang...
Betapa indah dunia dipandang...
Baru ku kenal ibu ayah adik dan abang
Kerana dahulu fikiran melayang...
Jalan nak aku lalu masih panjang...
Akan ku rempuh hari mendatang
Kepadaku berilah perangsang
Agar kejayaan dapat ku julang.....

Manusia sepertiku usah kau hina
Kelak menambah sakit didada
Kepadaku berilah perangsang
Agar kejayaan dapat dijulang.

Berdasarkan dua rangkap tersebut. Dapat diketahui bahawa “cahaya anak bulan” merupakan objek pertama yang dilihat di sebalik jaring-jaring tingkap tersebut digambarkan pada awal baris pertama, rangkap pertama, draf lirik lagu tersebut, iaitu “baru kukenal bulan dan bintang....”. Menurut Jamal Abdillah (2006), “begitulah sedikit sebanyak seni kata lagu pertama yang pernah aku (Jamal Abdillah) tulis dan setelah siap lirik lagu itu setelah aku (Jamal Abdillah) memberikan lirik itu kepada S. Atan” (komposer)”.

Yang berikut dikemukakan lirik penuh lagu “Mati Hidup Semula”.

Tak sudi memandang tidak mengapa
Kerna kumengerti aku insan hina
Tapi dengar apa kukatakan
Untuk pedoman di hari muka

Dulu hidup kurasakan mati
Mata terbuka tapi tak perhati
Kini kurasa dihidupkan kembali
Walaupun peritnya setengah mati

Baru kukenal bulan dan bintang
Betapa indah dunia dipandang
Baru kukenal ibu ayah adik abang

Kerana dulu fikiran melayang
Jalan nak kulalu masih panjang
Akanku rempuh hari mendatang
Kepadaku berilah perangsang
Agar kejayaan dapat dijulung

Manusia sepertiku usah kau hina
Kelak menambah sakit di dada
Selagi aku bernama manusia
Tak lepas dari salah dan dosa

Salah kulakukan meruntuhkan nama
Kerna perbuatan mengikut rasa
Namunku bersyukur pada yang Esa
Setelah mati kuhidup semula


(Dunia Muzik Warner Malaysia, Nov. 15, 2016)

KAEDAH KAJIAN


Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Meskipun hanya terhad pada satu lirik lagu tetapi analisis mendalam mampu mengupas makna abstrak hingga membawa kepada pemahaman yang konkrit. Seluruh lirik ini dapat dijadikan panduan untuk pengupasan lirik. Oleh sebab kajian ini bersifat kualitatif maka satu lirik lagu memadai untuk tujuan tersebut. Yang dipentingkan ialah hasil tafsiran semantik inkuisitif. Apakah akal budi atau kebijaksanaan yang hendak diketengahkan melalui lirik ini? Sesuai dengan pendapat Zoltan@ Do_rnyi (2007) yang menyatakan bahawa kekangan kajian kualitatif tidak menggunakan data yang banyak, yang penting ialah penjelasan yang padat sudah memadai. Dengan menggunakan pendapat Zoltan@, maka kajian ini akan mengehendkan satu lirik sahaja tetapi analisis mendalam akan dilakukan terhadap data.

Lagu ini mempunyai enam rangkap dengan 110 patah perkataan. Menurut Noraini (2010), pendekatan kualitatif digunakan dalam situasi yang memerlukan penerangan terperinci dan mendalam tentang fenomena sosial seperti berlangsung dalam keadaan semula jadi. Kajian ini menggunakan analisis data dan kaedah kepustakaan. Melalui kaedah kepustakaan, bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian ini dijadikan rujukan. Kajian ini mengemukakan dua data kajian (daripada satu lirik) dan data tersebut dianalisis secara semantik inkuisitif.


Sebelum jawapan dicari tentang makna sebenar yang dimaksudkan dalam sesuatu ungkapan yang dikaitkan dengan akal budi seperti disarankan dalam semantik inkuisitif, penganalisan data peringkat awal adalah penting. Oleh itu, kajian ini membahagikan penganalisan data kepada tiga tahap, iaitu semantik skrip, diikuti analisis semantik resonans, barulah analisis semantik inkuisitif. Tiga tahap yang dimaksudkan di atas digambarkan pada Rajah 1:



- Pentafsiran berdasarkan skrip (dokumen) dan pemerhatian mereka.
- Tafsiran dilakukan dengan mudah (makna tersurat).
- Bersandarkan pengalaman peribadi (intuisi) dengan data sokongan yang mungkin terhad.
- Tidak ada teori yang ampuh untuk menyokong tafsiran pengkaji.



- Melihat makna konteksnya dan hubungan makna tersebut dengan falsafah dengan menggunakan rangka rujuk silang.
- Data yang sah, teori yang berwibawa.
- Data tidak terhad pada data dokumen bercetak tetapi juga data korpus teks dan elektronik, data lapangan.
- Peringkat ini menghuraikan kognitif penutur (teori relevans)



- Persoalan tentang sesuatu perkataan tersebut dipilih oleh penutur dan dikaitkan dengan akal budi penuturnya.
- Peringkat ini bersifat meneroka untuk mencari apa, kenapa, bagaimana sehingga tertonjol akal budi penuturnya.
- Peringkat ini turut membincangkan falsafah di sebalik kata dipilih.

Rajah 1 Peringkat penganalisan berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif (Nor Hashimah, 2014).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memaparkan penganalisan data berdasarkan tiga peringkat, iaitu peringkat semantik skrip yang menumpukan penganalisan makna secara harfiah. Selepas itu, makna akan dicungkil dengan lebih mendalam berdasarkan konsep dalam teori relevans khususnya dengan rangka rujuk silang bagi menggambarkan proses kognitif penutur. Seterusnya, dilakukan usaha untuk menjawab sebab pemilihan leksikal tertentu dalam lirik lagu tersebut bagi memperlihatkan akal budi penulisnya.

Data 1 : “Dulu hidup kurasakan mati”

Dalam lirik lagu *Mati Hidup Semula*, ungkapan “dulu hidup kurasakan mati” muncul dalam rangkap kedua, baris pertama. “Hidup” dan “mati” merupakan dua alam yang berbeza. “Hidup” di dunia dan “mati” di alam barzah. Hal ini terbukti melalui data korpus seperti di bawah:

“Ibuku tidak mati. Dia hanya berpindah dari dunia untuk menuju ke alam barzah”.

(*Arus Melanda Musim*. Sastera, 1979)

Manusia “berpindah” dari alam “dunia” ke alam “barzah” juga dikaitkan dengan masa. Apabila tua dan sampai ajalnya, manusia akan ke alam barzah pula. Hal ini jelas dinyatakan dalam peribahasa “singkat tidak terulas, panjang tidak terkerat” yang bermaksud setiap orang akan mati apabila telah sampai ajalnya. Hidup dan mati manusia ditentukan oleh Tuhan, hal ini jelas dalam peribahasa “mati tidak kerana sumpah, hidup tidak kerana kaul”.

Analisis Semantik Skrip

Pada peringkat semantik skrip, setiap perkataan dalam ungkapan “dulu hidup kurasakan mati” dapat diperolehi dengan merujuk kamus. Jadual 1 memaparkan makna linguistik bagi ungkapan tersebut

Apabila ungkapan “dulu hidup kurasakan mati” dikupas maknanya perkataan demi perkataan, secara harfiahnya akan terhasillah maksud “yang lalu, aku tumbuh dan membesar dalam keadaan tidak bernyawa”. Makna mudah ini dicapai tanpa usaha memproses yang tinggi. Walau bagaimanapun, makna yang bersifat harfiah ini masih taksa dalam konteks sebenar. Hal ini kerana leksikal “hidup” dan “mati” dalam ungkapan

Jadual 1 Paparan makna linguistik berdasarkan *Kamus Dewan* (2015).

Data	Ungkapan	Makna Linguistik	
1	Dulu hidup kurasakan mati	Dulu-	Yang telah lepas, yang telah lampau, yang lalu.
		Hidup-	Terus bernyawa atau bernafas, tumbuh dan membesar, tidak mati.
		Ku-	Kata ganti nama diri pertama (dalam perbualan dan lain-lain).
		Rasa-	Perihal sesuatu yang dikecapi oleh lidah, keadaan yang dialami oleh bahagian tubuh (kulit dan lain-lain apabila kena sesuatu).
		Kan-Mati	Kependekan bagi “akan”, imbuhan akhiran “kan”. Tidak bernyawa lagi, tidak hidup lagi, tidak bernyawa.

tersebut jika dilihat secara linguistiknya, kedua-dua kata ini merupakan kata nama abstrak yang membawa maksud bertentangan, iaitu “hidup” bermaksud “terus bernyawa atau bernafas” manakala “mati” bermaksud “tidak bernyawa lagi atau tidak hidup lagi”. Frasa “kurasakan mati” mengundang pelbagai tafsiran dan tidak sekadar bermaksud “seolah-olah tidak bernyawa” jika dirujuk pada konteks. Dengan kata lain, makna “seolah-olah tidak bernyawa” hanya bersifat permukaan dan masih belum mencapai makna yang diinginkan oleh penulis kerana ada makna tersirat yang didukung oleh ungkapan tersebut. Oleh sebab itu, usaha mencari makna yang sebenar harus diteruskan dengan melibatkan aras kognitif yang lebih tinggi dengan maklumat konteks yang lebih banyak. Oleh itu, penganalisan pada peringkat kognitif perlu dilakukan.

Analisis Semantik Resonans

Pada peringkat analisis semantik resonans ini, pengaplikasian teori amat ditekankan bagi mendapatkan maknanya yang sebenar. Teori relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1999) merupakan teori pentafsiran makna yang berwibawa, mengambil kira aspek semantik dan pragmatik. Teori tersebut, selain menekankan kepentingan maklumat konteks, peranan kognitif juga dilihat amat penting untuk mencapai korelevans sesuatu ujaran, iaitu mendapatkan maksud sebenar dengan

usaha memproses maklumat yang paling sedikit. Apabila pendengar mendapati makna permukaan pada peringkat semantik skrip bertentangan dengan maklumat konteks, pendengar perlu berusaha untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi mendapatkan maknanya yang sebenar. Maka, rujuk silang dilakukan terhadap ungkapan lain yang terdapat dalam lagu untuk tujuan tersebut. Hal ini selaras dengan pendapat Allan (2010) dan Huang (2014) bahawa rujuk silang ialah cara untuk mewujudkan hubungan dengan beberapa ungkapan linguistik sebelumnya atau anteseden dalam ayat atau wacana yang sama.

Bagi data (1) “Dulu hidup kurasakan mati”, antara ujaran yang dapat membantu menjelaskan makna tersiratnya termasuklah “mata terbuka tapi tak perhati”. Apabila data (1) dihubungkan dengan ujaran selepasnya, ternyata ada hubungan yang relevan antara “hidup” dengan “mata terbuka”, dan “mati” dengan “tak perhati”. Secara normalnya, mata sebagai pancaindera yang digunakan untuk melihat dan memerhatikan sesuatu objek. Jika mata dalam keadaan terbuka tetapi masih juga tidak dapat melakukan tugas melihat atau memerhati”, tandanya mata tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Dari segi perubatan, selain faktor usia, pengambilan ubat-ubatan dan alkohol juga menjadi penyebab mata tidak berfungsi secara sempurna (Rosniza, 2013). Di sini, dapat dilihat bahawa “mati” yang dimaksudkan oleh penulis bukanlah “tidak bernyawa” tetapi membawa maksud “lemah dan tidak terdaya melakukan kerja-kerja mudah kerana kesusahan”. Hal ini diperkukuh dengan ujaran selepasnya, iaitu, “peritnya setengah mati” (rangkap 2, baris 4) dari segi makna literalnya bermaksud “penderitaan seperti hampir hendak mati”. Terdapat beberapa bukti daripada peribahasa yang dapat mengaitkan “keperitan” dengan “mati” seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Kaitan keperitan dengan “mati” dalam peribahasa.

Kaitan “Mati”	Peribahasa
buntu atau tidak tahu apa-apa yang perlu dilakukan	mati akal
tidak berdaya melakukan apa-apa	mati angin
puat dan tidak berdaya	seperti mayat ditegakkan

Kaitan “Mati”	Peribahasa
orang yang daif dan tidak berdaya itu, jika orang tiada menolongnya maka terlantarlah dia	seperti orang mati , kalau tiada orang mengangkat, bilakan bergerak
tidak bertenaga lagi	sudah mati kutu
kalau orang besar-besar yang berselisih, rakyat yang mendapat susah/derita	gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah
orang yang kurus kering, tidak bermaya dan menimbulkan masalah kepada keluarga, masyarakat dan sebagainya, mayat hidup ”	bangkai bernyawa

Peribahasa yang dikemukakan di atas merupakan bukti tentang “mati” yang selaras dengan keadaan yang digambarkan oleh penulis sekali gus dapat membantu mendapatkan makna sebenar ungkapan data (1) sebagai “dirinya yang amat lemah dan tidak bermaya”. Penulis menyatakan sebab keadaan tersebut berlaku adalah kerana “fikiran melayang” (rangkap 3, baris 4). Hal ini selaras dengan peribahasa “mati akal” yang membawa maksud “buntu dan tidak tahu apa-apa yang perlu dilakukan”.

Makna sebenar penulis dalam ungkapan “dulu hidup kurasakan mati” sebagai “amat lemah dan tidak bermaya” juga dapat diperkukuh dengan ujaran yang wujud selepas ungkapan tersebut, iaitu “baru kukenal bulan dan bintang” dan “baru kukenal ibu ayah adik abang”. Hal ini bermakna sebelum itu, penulis “tidak kenal bulan bintang, tidak kenal ibu ayah adik abang” kerana keadaan yang “mata terbuka dan tidak perhati” tadi disebabkan kehidupan yang dikatakan “hidup rasakan mati” tadi. Ternyata analisis semantik resonans yang mengaitkan bahasa, teori dan kognisi penuturnya amat berjaya mencungkil makna yang diinginkan oleh penulis lirik lagu dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian pada peringkat ini sudah tentu akan sempurna jika penerokaan dapat diteruskan sehingga dapat memperlihatkan akal budi penulis lirik lagu tersebut. Hasrat ini dapat dicapai melalui analisis semantik inkuisitif kerana kajian bahasa pada tahap semantik inkuisitif dapat memperlihatkan akal budi seseorang pengarang yang bukan sahaja dari segi kebijaksanaan bertutur kata tetapi kebijaksanaan itu dikaitkan dengan budaya, ketajaman pengamatan

terhadap dunia serta pemikiran tahap tinggi yang tertanam sekian lama dalam minda pengarang tersebut.

Analisis Semantik Inkuisitif

Peringkat ini menjawab pelbagai persoalan, antaranya termasuklah, mengapa sesuatu perkataan tersebut dipilih bukan perkataan lain? Penerokaan dilakukan pada peringkat ini akan menampilkan akal budi penulis serta falsafah di sebalik pemilihan sesuatu kata tersebut.

Dalam ungkapan “Dulu hidup kurasakan mati”, leksikal “mati” dipilih oleh penulis untuk menggambarkan kehidupannya pada masa itu. Konsep “mati” bersifat sejagat, yakni, tidak kira jenis agama atau bangsa sekalipun, “mati” tidak lari daripada pengalaman hidup mereka. Setiap manusia mengetahui konsep mati “sebagai tidak bernyawa lagi”. Yang pasti orang yang mati akan meninggalkan mereka yang masih hidup selamanya. Oleh sebab itu, “kematian” sering diselubungi kesedihan. Setiap manusia mempunyai upacara masing-masing untuk menguruskan orang yang telah mati/meninggal dunia. Penulis memanfaatkan pengetahuan sedia ada pendengar tentang “mati” ketika menyampaikan mesej tentang kehidupannya yang dianggapnya tidak diketahui dan sukar difahami oleh orang lain.

Mengapakah penulis memilih leksikal “mati” bagi menggambarkan keadaan kehidupannya? Berdasarkan lirik lagu tersebut, ternyata lagu “mati hidup semula” mengandungi unsur nasihat kepada pendengar supaya tidak melakukan kesalahan. Kesalahan tersebut digambarkan dalam ungkapan “selagi aku bernama manusia, tak lepas dari salah dan dosa” (rangkap 5 baris 3-4). Jika tidak, seseorang itu akan menghadapi nasib yang sama seperti dalam ungkapan “tak sudi memandang...; insan hina; kurasakan mati; dan meruntuhkan nama” yang merupakan kesan perbuatan tidak baik yang telah dilakukan yang diibaratkan oleh penulis sebagai tidak ada bezanya dengan “mati”.

Berbalik kepada salah satu kesan yang dinyatakan “dulu hidup kurasakan mati”, “mati” telah digunakan oleh penulis untuk menggambarkan keadaan sebagai kesan daripada perbuatannya. Sudah tentu pemilihan leksikal “mati” bukan dilakukan sewenang-wenang, sebaliknya terdapat rasional di sebalik pemilihannya.

Tidak keterlaluan jika dikatakan kematian merupakan sesuatu yang ditakuti dan cuba dihindari oleh setiap manusia. Hal ini ditunjukkan dalam frasa “takut mati” yang terdapat dalam bidalan “berani malu takut

mati”. Orang yang mati tentu dalam keadaan telah kaku, sudah menjadi mayat. Orang yang mati tidak dapat lagi bercakap, bersama-sama dengan orang yang masih hidup lain. Dari segi sains, Bayu D. Wicaksino (2017) membahagikan 13 tahap tubuh ketika meninggal, antaranya aktiviti otak tersentak seketika, suhu badan menurun, sel mati kerana kekurangan oksigen, otot menjadi tegang, kulit menyusut kekeringan, darah turun ke bawah badan, tubuh membusuk, dimakan serangga. Bayu D Wicaksino menyatakan tahap-tahap tersebut sebagai menjijikkan. Crew (2003, p. 17) menyatakan bahawa “orang mati itu sama seperti tidur. Dia sepenuhnya tidak sedar akan apa-apa yang terjadi pada saat dia tertidur, begitupun juga dengan tidur kematian”. Pemilihan leksikal “mati” menggambarkan usaha penulis menceritakan situasi kehidupan yang dihadapi adalah sangat teruk pada masa itu, iaitu dalam keadaan kurus kering, jarang bersama-sama keluarga, tinggal di tempat yang menjijikkan dan dalam keadaan yang amat terhina, amatlah relevan dengan maksud yang digambarkan melalui maksud “mati” yang telah dinyatakan.

“Kematian” bererti lenyap di muka bumi ini. Telah hilang hubungan secara nyata dengan manusia di muka bumi ini. Kematian pada awalnya diingati tetapi akhirnya dilupakan. Hal ini jelas digambarkan dalam sajak Usman Awang, iaitu *Ke Makam Bonda*. Penginterpretasian makna yang dilakukan oleh Mary Fatimah (2012). Melalui sajak tersebut yang mempunyai konteks tentang kematian, beliau turut membuktikan “mati” ada kaitannya dengan emosi sedih.

Mati merupakan satu tempoh selepas seseorang menemui ajalnya. Kematian menyebabkan seseorang berada di dunia lain. Mereka akan terpisah dengan orang yang masih hidup buat selama-lamanya. Dalam konteks lagu tersebut, penulis menyatakan kehidupan yang terpisah daripada sanak saudara itu diibaratkan sebagai “mati” ternyata juga amat relevan. Selepas tempoh “mati”, barulah penulis menyatakan dirinya” baru kukenal ibu ayah adik abang”.

Kematian akan membawa kedukaan kepada mereka yang hidup. Ada yang putus harapan kerana kematian seseorang yang disayangi. Ada yang hilang pertimbangan atas kematian seseorang. Ada juga kehidupan menjadi tidak menentu kerana kematian seseorang. Menurut Nur Aida (2018), bukan hal yang mudah untuk menjalani kehidupan biasa ketika orang yang tersayang meninggal dunia. Menurut Nur Aida lagi, walaupun kematian seseorang harus diterima tetapi menerimanya dengan perasaan yang ikhlas sebenarnya bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Ahli keluarga yang tidak lagi dapat hidup bersama pasti merupakan satu kesedihan.

Dari segi falsafahnya, kiasan ini membawa pengajaran bahawa seseorang itu haruslah mengelakkan diri daripada perbuatan yang memudaratkan diri. Hal ini kerana jika tersilap langkah, maka kesan buruk akan menimpa dirinya. Kesan buruk itu amatlah dahsyat sehingga pada tahap seperti “orang yang telah mati, hilang segala-galanya”. Itulah akal budi penggunaan leksikal “mati” yang bukan sahaja dapat menggerunkan malah boleh menginsafkan si pendengar. Leksikal “mati” boleh memberikan impak yang tinggi dan sekali gus lagu ini dapat dihayati dan diterima sebagai pengajaran oleh pendengar. Kesimpulannya, semantik inkuisitif yang mengambil kira makna tersurat, tersirat, budaya, kognitif yang tinggi mampu mencerminkan akal budi penulis melalui ungkapan “dulu hidup kurasakan mati”.

Data 2 : Setelah mati kuhidup semula

Berdasarkan makna linguistik, kata “hidup” merupakan antonim kepada kata “mati”. Ungkapan “setelah mati kuhidup semula” muncul dalam rangkap terakhir, baris terakhir lagu “Mati Hidup Semula”. Keadaan yang digambarkan oleh data (2) ini bertentangan dengan data (1). Data (2) menggambarkan pembalikan situasi data (1). Pembalikan ini dilihat sesuatu yang baik dan menggembirakan daripada keadaan sebelumnya yang dilihat sebagai sesuatu yang tidak baik dan kedukaan. Pembuktian “hidup kembali” merupakan berita yang baik dan menggembirakan terdapat dalam data korpus berikut:

“Mana bicara tuan hamba tiada hamba lalui kerana hamba berasa sangat gembira dengan pertemuan ini serasa hidup kembali nenda Berma Raja, ayahanda Badanul, Citra-baha dan Narana.”

(Sharifah Abd. Rahman, *Antologi Seuntai Kasih Secebis Harapan*.
Sastera, 2013)

Analisis Semantik Skrip

Pada peringkat semantik skrip, setiap perkataan dalam ungkapan “setelah mati kuhidup semula” dapat ditunjukkan dalam Jadual 3.

Secara harfiahnya, ungkapan “setelah mati kuhidup semula” bermaksud “sesudah tidak bernyawa, pengarang bernafas kembali”. Ungkapan tersebut hampir tidak berlaku melainkan keajaiban berlaku atas kehendak Tuhan yang Maha Esa. Berdasarkan konteks ungkapan tersebut, makna

Jadual 3 Paparan makna linguistik berdasarkan *Kamus Dewan* (2015).

Data	Ungkapan	Makna Linguistik	
2	Setelah mati kuhidup semula	Setelah-Mati-Ku-Hidup-Semula	Sesudah, sehabis, selepas. Tidak bernyawa lagi, tidak hidup lagi, tidak bernyawa. Kata ganti nama diri pertama (dalam perbualan dan lain-lain). Terus bernyawa atau bernafas, tumbuh dan membesar, tidak mati. 1. yang dahulu, yang mula-mula, sedia kala; 2. yang paling awal, yang pertama sekali; 3. sejak awal, dari mula; 4. diulang sekali lagi (dari mula); 5. Kembali (seperti sedia kala).

secara harfiah ini bukanlah maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis. Data (2) “setelah mati kuhidup semula” didapati sama maksud dalam simpulan bahasa “mati balik hidup” yang bermaksud “selamat setelah mengalami bahaya besar” (Zaitul Azma, & Ahmad Fuad, 2011). Walau bagaimanapun, kesemua ini masih merupakan makna harfiah dan pada peringkat semantik skrip dan masih tidak jelas maksudnya.

Analisis Semantik Resonans

Ungkapan “setelah mati kuhidup semula” tidak mempunyai anteseden yang jelas untuk diteroka makna sebenarnya. Apabila dirujuk kepada makna semantik skrip tersebut, ungkapan “setelah mati kuhidup semula” membawa maksud “setelah tidak bernyawa, penulis bernafas kembali” ini tidak dapat diterima sebagai makna yang diinginkan oleh penulis kerana maklumat konteks bertentangan dengan makna harfiah tersebut. Pencarian makna harus diteruskan pada peringkat resonans dengan merujuk maklumat tambahan yang dibekalkan oleh penulis.

Jika “mati” yang dikatakan sebelum ini (data 1) sebagai “tidak bermaya, tidak bergerak, pucat, daif, menderit” dan sebagainya yang meletakkan seseorang dalam keadaan yang menyeksakan, “hidup” pula sebagai perkataan yang berlawanan ertinya tentu bermaksud “bertenaga, dapat bergerak, sihat, senang”. Jadi andaian “setelah mati kuhidup semula” sebagai konsep “pulih” amatlah relevan. Hal ini kerana orang yang hampir mati (kerana sakit) apabila berjaya diselamatkan dapat dikatakan sebagai

Jadual 4 Perbandingan situasi “dulu” dan “kini”.

Dulu (Mati)	Kini (Hidup)
Dulu hidup kurasakan mati	Kini kurasa dihidupkan kembali
mata terbuka tapi tak perhati	Baru kukenal bulan dan bintang (R3B1)
kerana dulu fikiran melayang	Betapa indah dunia dipandang
	Baru kukenal ibu ayah adik abang

pulih dan sembuh. Kesemua maklumat ini tidak dinyatakan dengan jelas oleh penulis tetapi diperolehi melalui pengalaman sedia ada pendengar yang sememangnya diketahui oleh penulis bahawa telah dimiliki oleh pendengar untuk memahami ungkapan yang mempunyai makna tersirat tersebut. Jadi “setelah mati kuhidup semula” bermaksud “pulih daripada keperitan yang dialami” sebagai makna yang relevan. Hal ini dijelaskan dengan Jadual 4 yang menunjukkan perubahan “dulu” dan “kini”.

Andaian “pulih daripada keperitan yang dialami” dapat diperkukuh apabila rujuk silang dilakukan terhadap ujaran lain dalam lagu tersebut. Konsep “pulih” dapat diperkukuh dengan ungkapan “kini kurasa dihidupkan kembali”, “baru ku kenal bulan dan bintang”, “betapa indah dunia dipandang”, baru kukenal ibu ayah adik abang”. Kerana sudah pulihlah, maka seseorang itu melakukan aktiviti sebagai manusia normal dan sihat. Keadaan ini amat bertentangan dengan keadaan sebelumnya, iaitu “dulu hidup kurasakan mati; mata terbuka tak perhati, fikiran melayang, hina, salah dan dosa, meruntuhkan nama” yang menunjukkan keadaan yang amat negatif. Keadaan “pulih” inilah menyebabkan diri seseorang berasa dirinya “hidup kembali”. Gambaran tersebut amat sesuai dengan maksud simpulan bahasa “pangkal jalan” bermaksud “keadaan yang mula-mula”. Keadaan “balik ke pangkal jalan” yang menunjukkan perubahan kepada yang baik ini juga dapat dibuktikan melalui data korpus berikut:

“Aku sudah bertaubat, aku sudah jemu dengan hidup bagini. Aku sesat, aku mahu kembali ka-pangkal jalan.

(Korpus DBP, <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Popups/KataView2.aspx?loc=97711-13-F>)

Analisis Semantik Inkuisitif

Melalui analisis kognitif yang ditunjukkan pada tahap semantik resonans tadi, terdapat persoalan tentang penggunaan leksikal tertentu dalam ungkapan “setelah mati kuhidup semula”. Mengapakah penulis menggunakan leksikal “mati” dan “hidup” untuk menggambarkan maksud “pulih” daripada keperitan yang dialami? Usaha mencari jawapan kepada persoalan ini memenuhi analisis semantik inkuisitif. Usaha ini perlu bagi memperlihatkan kebijaksanaan penulis menggunakan kata-kata tersebut kerana falsafah dan pemikiran yang terpahat dalam kata-kata.

Konsep “pulih” amat tepat apabila leksikal “hidup” digunakan kerana “hidup” dapat dikaitkan dengan “sembuh atau pulih” daripada sakit, sebaliknya manusia akan “mati” apabila sakit tidak dapat disembuhkan. Manusia sedia mengetahui bahawa sesetengah penyakit mudah disembuhkan, manakala sesetengahnya pula sukar diubati apatah lagi pada peringkat yang serius. Manusia juga sedar akan menghadapi risiko maut apabila diserang penyakit seperti kanser, wabak penyakit berjangkit dan sebagainya. Jika doktor berjaya menyembuhkan atau memulihkan pesakit daripada penyakit seperti ini, nescaya pesakit tersebut akan dapat terus hidup. Jika doktor gagal berbuat demikian, kemungkinan pesakit akan meninggal dunia. Jika pesakit tersebut berjaya dipulihkan daripada keadaan kritikal, keadaan diri pesakit ini dapat diibaratkan “mati hidup semula”. Kejayaan para doktor menyelamatkan pesakit yang serius ini amat memerlukan penelitian dan kepakaran yang tinggi. Oleh itu, untuk “menghidupkan semula” seseorang yang telah “mati” bukanlah tugas yang mudah. Konsep “betapa sukar dipulihkan” diibaratkan usaha menyelamatkan seseorang supaya “hidup semula”. Oleh sebab itu, mesej sebenarnya yang ingin disampaikan oleh penulis melalui “setelah mati kuhidup semula” bukan sekadar “pulih” tetapi “terlalu sukar” untuk dipulihkan apabila seseorang tersilap langkah kerana hawa nafsu mereka.

Konsep “mati” telah banyak dikupas semasa perbincangan data (1). Dari segi makna leksikalnya, “mati” membawa maksud “tidak bernyawa lagi”, antonim mati, iaitu “hidup” bermaksud “masih bernafas lagi”.

Manusia “hidup” kemudian “mati” berlaku mengikut urutan masa, iaitu selepas lahir, membesar, tua, sakit, kemudian meninggal dunia”. Keadaan ini ialah hukum alam dan pasti berlaku apabila tiba masanya. Bagaimanakah pula “mati hidup semula”? Sudah pasti boleh disifatkan sebagai suatu keajaiban atau amat luar biasa apabila seseorang itu disahkan mati oleh doktor kemudian hidup kembali atas kehendak Tuhan yang Maha Esa. Jika tidak, perkara tersebut hampir mustahil untuk berlaku. Dalam konteks lagu ini, “mati” telah dikaitkan dengan segala penderitaan yang dialami dalam kehidupan sebagai akibat kesalahan dan dosa yang dilakukan. Untuk menghilangkan penderitaan yang dialami ini amatlah sukar. Penulis menggunakan ungkapan “peritnya setengah mati” untuk menggambarkan tahap penderitaan yang dialami. Pada akhirnya, penulis menggambarkan dirinya yang telah pulih daripada belenggu yang dihadapi dengan ungkapan “setelah mati kuhidup semula” merupakan satu ungkapan yang bertujuan untuk menyatakan bahawa satu keajaiban atau luar biasa telah berlaku kepada dirinya, dan peluang ini hampir tidak berlaku dalam kehidupan sebenar, iaitu yang mati boleh hidup kembali.

Dari segi falsafahnya, ungkapan “setelah mati kuhidup semula” membawa nasihat bahawa manusia jangan sesekali terjebak dalam perbuatan yang salah dan berdosa, maka kesan yang ditanggungnya amat dahsyat, untuk kembali menjadi sedia kala, perkara tersebut tidak mudah untuk dilakukan. Kesukaran mengembalikan keadaan kepada sebelumnya amatlah tipis sehingga diibaratkan seperti “mati hidup semula”. Oleh itu, manusia haruslah berhati-hati, dan membuat pertimbangan yang rasional bagi mengelakkan perkara ini berlaku. Pentafsiran makna secara berperingkat bermula daripada makna tersurat, kemudian makna tersirat dan mencari rasional di sebalik penggunaan kata-kata tertentu, iaitu “mati” dan “hidup” dalam ungkapan “Setelah mati kuhidup semula” akhirnya menemukan falsafah dan pemikiran penulis. Yang lebih penting, leksikal “mati” dan “hidup” berkaitan dengan perjalanan hidup seseorang. Pada umumnya, kematian adalah antara perkara yang ditakuti. Hal ini selaras dengan pendapat Muhaya (2016) bahawa “hidup kita sentiasa dibelenggu oleh rasa takut: takut mati, takut sakit... dan sebagainya”. Maka jangan dipersia-siakan nyawa selagi hayat masih ada. Tersilap langkah boleh mengundang padah yang menyeksakan. Sekali lagi, yang hendak dicari melalui akal budinya ialah mengapakah leksikal “mati” dan “hidup” dipilih? Kedua-duanya mempunyai unsur nasihat yang berguna, mempunyai impak yang mendalam terutama jika berbicara mengenai

“mati”. Peri berharganya “hidup” maka dipertentangkan dengan mati sebagai satu pengajaran yang berguna.

KESIMPULAN

Penulis lirik ini tidak sewenang-wenangnya memilih kata untuk membentuk lirik lagunya. Pemilihan kata dilakukan dengan berhati-hati melalui pengamatan beliau terhadap setiap makna kata dan pengalaman dirinya terhadap persekitaran. Hal ini dilakukan bagi memastikan mesej yang hendak disampaikan benar-benar seperti yang diinginkannya. Dalam lirik lagu “mati hidup semula”, meskipun leksikal yang bersifat abstrak digunakan oleh penulis, pendengar tetap dapat memahaminya kerana makna leksikal tersebut berada dalam pengetahuan sedia ada mereka untuk dihubungkan dengan konteks bagi mendapat makna yang diinginkan oleh penulis. Melalui penganalisisan dengan pendekatan semantik inkuisitif terhadap kata “mati” dan “hidup” dalam bahasa kiasan yang digunakan dalam lagu tersebut, terserlah akal budi yang tinggi penulis dan falsafah di sebalik penggunaan leksikal tertentu dalam karyanya.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2010). *Kamus pepatah, bidalan dan perumpamaan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussain. (2002). *Canai budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samad. (2011). *Hilangnya nilai sastera dalam lirik lagu?* Diakses daripada <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2045> [19 NOVEMBER 2018]
- Allan, K. (2010). *Concise encyclopedia of semantic*. Amsterdam: Elsevier Ltd.
- Amir Husairi Sharif. (Ogos, 2006). *Bahasa, muzik dan komunikasi*. Dewan Bahasa Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'ie Sujud. (2000). *Estetika dalam lirik lagu-lagu P. Ramlee. Monograf Sastera dan Budaya*. Jabatan Bahasa Melayu, FBMK. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Asiah Sarji. (1989). Keluarga di kaki gunung. *Antologi puisi & cerpen hadiah sastera Malaysia 1988/1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arus Melanda Musim*. Sastera. (1979). Diakses daripada <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Popups/KataView2.aspx?loc=97643-40-F>
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan kaedah nahu: Sejarah pertumbuhan aliran pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Bayu D. Wicaksono. (2017). *13 tahap yang terjadi pada tubuhmu ketika meninggal*. Diakses daripada https://www.idntimes.com/science/discovery/bayu/13-tahapan-yang-terjadi-pada-tubuhmu-ketika-meninggal/full___ [6 November 2018]
- Crew, J. (2003). *Spirits of the dead*. Roseville, CA: Amazing Facts Inc. Dimuat turun daripada http://www.anym.org/pdf/Amazing%20Facts/spirits_of_the_dead_do_they_speak_and_hear.pdf [8 November 2018].
- De Bono, E. (1992). *Six thinking hats for schools*. Melbourne: Hawker Brownlow Pty Ltd.
- Dunia Muzik Warner Malaysia (Nov 15, 2016). *Mati hidup semula*. Diakses daripada <https://www.youtube.com/watch?v=Qc3aTZp8bIA> [10 OKTOBER 2018]
- Habsah Hassan. (2011). *Hilangnya nilai sastera dalam lirik lagu?* Diakses daripada <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2045> [19 November 2018]
- Habsah Hassan. (*Berita Malaysia*, 27 Dis 2016). “Penulis lirik tak boleh syok sendiri”. Diakses daripada <http://beritamalaysia.xyz/penulis-lirik-tak-boleh-syok-sendiri-habsah-hassan/> (9 Januari 2019)
- Hanisah Selamat. (2018, Mac 2018). Isteri anugerah terindah-Jamal Abdillah. *BH Online*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2018/03/396374/isteri-anugerah-terindah-jamal-abdillah> [10 MEI 2019]
- Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd. Rahim. (2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu “Bebaskan” berdasarkan teori relevans. *Journal of Business and Social Development* 5(1), 102-111. Dimuat turun daripada <http://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2017/04/10-PERLAMBANGAN-w.pdf> [15 November 2018].
- Hassan Ahmad. (2006). *Memperkasa bangsa melalui kekuatan dalaman: Ke arah kelahiran Melayu Global*. Shah Alam: ALAF 21 Sendirian Berhad.
- Huang, Y. (2014). *Pragmatics: Second Edition*. United Kingdom: Oxford University.
- Jamal Abdillah. (2006). *Jalan lain ke sana*. Puchong: Penerbitan Dar Hakamah.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan. (2017a). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66-88. Diakses daripada <http://jurnalmelayu.dbp.my/wordpress/?p=881> [10 Oktober 2018].
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan. (2017b). Refleksi dualisme “durian-timun” dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 21(2) 1-14. Dimuat turun daripada <http://jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2018/01/1.Refleksi-Dualisme-Durian->

- Timun-Dalam-Peribahasa-Melayu-Pendekatan-Semantik-Inkuisitif.pdf [10 Oktober 2018]
- Jumia Elvita, Hana Nimashita, Yenny Aristia Nasution. (2015) Analisis makna peribahasa Jepang yang menggunakan unsur ikan. *Jurnal Online Mahasiswa*, 2(2), 1-9 <https://jom.unri.ac.id/index.php/JOMFKIP/article/view/6361> [13 Mei 2019].
- Junaini Kasdan. (2015). *Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/308691823_UNSUR_ASAM_DAN_AKAL_BUDI_MELAYU_ANALISIS_SEMANTIK_INKUISITIF [22 Oktober 2018].
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(1). 31-42. Diakses daripada <http://journalarticle.ukm.my/10898/> [22 November 2018].
- Kamus Dewan*. (2015). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kingkin Puput Kinanti & Anita Kurnia Rachman. (2019). Padi bagi masyarakat Indonesia: Kajian semantik inkuisitif pada Peribahasa Indonesia. *Basastra: Jurnal Kajian Bahasa dan Sastra Indonesia* 8(1). DOI: <https://doi.org/10.24114/bss.v8i1.12937>
- Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Popups/KataView2.aspx?loc=97711-13-F>
- Maniyamin Ibrahim. (2006). *Gaya bahasa kiasan: Penggunaan dan keberkesannya dalam sajak*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Mary Fatimah Subet. (2012). Teori relevans dalam personafikasi. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal & Harishon Radzi (Eds.) *Pemantapan pembinaan ilmu linguistik berasaskan korpus*. 207-223. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria. (2017). Perenggu minda Melayu dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue 2, 175-187. Diakses daripada <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22499> [5 OKTOBER 2019].
- Mohammad Haris Abd Azis. (2016). Keunggulan dan nilai lagu patriotik berdasarkan aspek pemilihan kata dalam lirik dan kesesuaian elemen muzik. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016 ICECRS, 769-780. Diakses daripada <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs> [15 November 2018].

- Muhamad Zaid Daud. (2018). Gallus gallus domesticus dan paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Sains Humanika*, 10(2), 41-51. Diakses daripada <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1379> [22 November 2018].
- Muhamad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2018). Ayam (Gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(1), 18-22. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/326293233_Ayam_Gallus_Gallus_Domesticus_Dalam_Peribahasa_Melayu_Analisis_Semantik_Inkuisitif [10 November 2018].
- Muhaya Muhamad (2016). *Gantikan ketakutan dengan keyakinan*. Diakses daripada <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/gantikan-ketakutan-dengan-keyakinan-1.386842> [25 Ogos 2019].
- Nathesan, S. (1998). Simpulan bahasa: Satu tinjauan dari sudut makna. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(11), 985-993.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159. Diakses daripada <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/16184> [10 MEI 2019].
- Nooraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Pertanika Journals*, 2(1), 101-115. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Nur Aida Tifani (2018). 3 tanda ini tunjukkan kehadiran roh orang meninggal di sekitarmu. <https://www.liputan6.com/citizen6/read/3344180/3-tanda-ini-tunjukkan-kehadiran-roh-orang-meninggal-di-sekitarmu> [6 November 2018]
- Rosniza Ab. Razak (2013). *Kabur penglihatan*. Diakses daripada <http://www.myhealth.gov.my/kabur-penglihatan/> [13 November 2018].
- Sharifah Abd. Rahman. (2013). *Antologi Seuntai Kasih Secebis Harapan*. Sastera, 2013. Diakses daripada <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Popups/KataView2.aspx?loc=118078-3-F> [13 November 2018]
- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans komunikasi & kognisi*. Diterjemah oleh Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin (2016). Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *GEMA Online ® Journal of Language Studies*, 16(3) 187-2014 DOI: <http://doi.org/10.17576/gema-2016-1603-12>.

- Tangaprabu Murthy & Mary Fatimah Subet (2018). Imej rumput dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1), 37-56. Diakses daripada <https://ir.unimas.my/21679/> [10 Oktober 2018]
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Serdang; Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2000). *Pelita bahasa Melayu penggal I-III*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zoltan@ Do_rnyei. 2007. *Research methods in Applied Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.

Diperoleh (*received*): 20 Mei 2019

Diterima (*accepted*): 28 Ogos 2019